



**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH**  
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM  
05604 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN



Telefon : 04-740 4000  
Faks : 04-740 4342  
Laman Web : [www.jpn.moe.gov.my/jpnkedah](http://www.jpn.moe.gov.my/jpnkedah)

---

**“ MUAFAKAT KEDAH ”**

Ruj. Kami : JPK.SKPP.UNP. 500-3/13/7 (5)  
Tarikh : 15 Mac 2017

Semua Ketua Sektor  
Semua Pegawai Pendidikan Daerah  
Semua Pengetua Sekolah Menengah  
Semua Guru Besar Sekolah Rendah  
Negeri Kedah Darul Aman.

Tuan/Puan

**URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG38, DG34, DG32 DAN DG29 YANG MEMPEROLEHI IJAZAH SEMASA DALAM PERKHIDMATAN KE GRED DG42 SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) URUSAN TAHUN 2017**

Dengan segala hormatnya saya merujuk surat Kementerian Pendidikan Malaysia KPM.BPSM.S.500-1/2/4 JILID 5 (2) bertarikh 8 Mac 2017 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan urusan pemangkuan **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG38, DG34, DG32 dan DG29 yang memperoleh ijazah semasa dalam perkhidmatan ke Gred DG42(KUP) bagi urusan tahun 2017.**

3. Urusan ini **terbuka kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berkecualan diploma dan telah memperoleh ijazah semasa dalam perkhidmatan sebelum atau pada 31 Disember 2016.**

4. Sehubungan dengan itu, tuan/puan diminta memaklumkan urusan ini kepada pegawai di bawah seliaan tuan/puan yang layak mengikut syarat iklan untuk membuat permohonan menerusi sistem ePangkat di Modul DG42 yang akan dibuka bermula **20 MAC 2017**. Semua permohonan dan perakuan oleh Ketua Jabatan perlu dilaksanakan menerusi **sistem ePangkat KECUALI** pegawai dalam keadaan berikut dibenarkan memohon dan diperaku **secara manual** dengan mengisi borang di lampiran A hingga F dalam surat penyiaran iklan:

- 4.1 Pegawai yang berada di jawatan kader;
- 4.2 Pegawai yang berada dalam tempoh peminjaman
- 4.3 Pegawai yang mengambil Cuti Separuh Gaji (CSG)/ Cuti Tanpa Gaji melebihi 180 hari yang menyebabkan tiada Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)/ Penilaian yang ditetapkan.

5. Tuan/puan sebagai Ketua Jabatan juga diminta mengemaskinikan maklumat perkhidmatan bagi pegawai yang layak di:-

- 5.1 HRMIS
- 5.2 Buku Perkhidmatan Kerajaan
- 5.3 eOperasi
- 5.4 ePangkat

---

**“1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**

*Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung*



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 4166

CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 4166

6. Sebarang pertanyaan mengenai urusan ini, sila hubungi **Encik Fandi bin Shamsudin di talian 04-7404145** atau **Puan Sahida binti Abd Samad di talian 04-7404152**. Bagi tujuan kata laluan epangkat disekat sila hubungi **Encik Mohd Sobri bin Zakaria di talian 04-7404148**.

7. Ketua Jabatan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang kelewatan atau keciciran yang berlaku. **Perakuan yang diterima selepas tarikh tutup/ tidak lengkap/ mengandungi fakta yang palsu, tidak akan diproses.**

8. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Surat Siaran Urusan Pemangkuan ke Gred DG42 (KUP) Urusan Tahun 2017 untuk dimaklumkan kepada semua PPP di bawah penyeliaan masing-masing. Kerjasama tuan/puan dalam perkara ini sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**  
**“ MUAFKAT KEDAH ”**  
**“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”**

Saya yang menurut perintah,



**( SAIDI BIN SHAARI )**

Ketua Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan,  
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman

s.k

1. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah
2. Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Kedah
3. Pejabat Pendidikan Daerah  
**(Sila perbanyakkan salinan dan edarkan ke semua sekolah dibawah pentadbiran tuan)**
4. Semua Penyelia ICT di PPD  
**(Sila masukkan surat ini dalam Portal Rasmi di PPD masing-masing)**